j2k

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008 1223/1

Pendidikan Islam

Kertas 1
Sept. 2008
2 Jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. **Bahagian A** *mengandungi* **40** *soalan. Jawapan hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan di halaman* 12 .
3. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektif. Jawab* **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam helaian tambahan yang disediakan.*
4. *Tulis* **nombor kad pengenalan** *dan* **angka giliran** *anda pada ruangan yang disediakan di halaman 12.*
5. *Ceraikan kertas jawapan daripada kertas soalan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat sebelah

Bahagian A
[40 *markah*]
Jawab **semua** *soalan.*

Soalan 1 *hingga* **Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** *dan* **D. Hitamkan** *jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.*

1 Contoh khurafat yang masih diamalkan dalam masyarakat ialah

A Mengkhianati amanah
B Menyembah bulan dan matahari
C Mengisytihar diri keluar dari agama Islam
D Mengunjungi kubur yang dianggap keramat

- Menunjukkan riak dan takbur
- Memecah-belahkan suami isteri
- Mendatangkan penyakit mental dan fizikal kepada mangsa

2 Penyataan di atas merujuk kepada tujuan

A Sihir
B Syirik
C Riddah
D Khurafat

3 Berikut ialah nama lain Ahli Sunnah Wal Jamaah **kecuali**

A As-Salaf
B Al-Jamaah
C Ahli al-Bait
D Ahli Sunnah

4 Antara pernyataan berikut yang manakah ciri-ciri ajaran sesat

I Menerima hadis mutawatir
II Beriktikad bahawa alam bersifat qadim
III Mendakwa malaikat sebagai pancaindera Allah
IV Berpegang teguh kepada perkara qat'ie dalam Islam

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.

5 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud

A mencuri
B merampas
C merompak
D menyamun

6 Di bawah ini adalah perkara yang berkaitan talak bain sughra kecuali

A Khuluk
B Fasakh
C Li'an
D Ila'

7 Antara pernyataan yang berikut manakah larangan ketika ihram yang dikhususkan kepada lelaki sahaja

I Menutup kepala
II Memakai wangi-wangian
III Memakai pakaian tidak berjahit
IV Menutup muka dan dua tapak tangan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

Mengerjakan ibadah haji dan umrah secara serentak

8 Pernyataan di atas menerangkan maksud

A haji qiran
B haji mabrur
C haji mardud
D haji tamattuk

9 Hukum melihat bakal isteri ialah

A wajib
B sunat
C harus
D haram

- Islam
- Baligh
- Lelaki
- Memahami lafaz ijab dan qabul
- Adil, tidak melakukan dosa besar
- Sejahtera pancaindera, tidak buta, pekak dan bisu

10 Pernyataan di atas ialah syarat

A bakal Suami
B wali Mujbir
C akad
D saksi

11 Rajah di bawah menunjukkan urat yang wajib diputuskan semasa sembelihan



Tanda X merujuk kepada urat :

A tunjang
B mareh
C marik
D saraf

12 Hukum menghadiri walimatul urus jika tiada uzur syarie ialah

A wajib
B sunat
C harus
D makruh

13 Saidina Uthman bin Affan telah dilantik menjadi khalifah secara

A syura
B wasiat
C syura dan wasiat
D syura dan demokrasi

14 Kuttab yang didirikan oleh golongan kaya di sekitar masjid pada zaman Khulafa' ar-Rasyidin berfungsi sebagai

I Tempat belajar membaca dan menulis
II Tempat menghafaz al-Quran kanak-kanak
III Tempat mengumpul dan membukukan al-Quran
IV Pusat latihan dan pertemuan para ilmuan Islam ketika itu

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

15 Berikut merupakan faktor kejatuhan Kerajaan Bani Umaiyah **kecuali**

A pemerintah mengabaikan ajaran Islam
B wujud semangat qabilah dan pilih kasih
C pemerintah lalai dengan kemewahan hidup
D wujud perselisihan aliran fahaman keagamaan



16 Tanda X merujuk kepada

A Hajib
B Qadhil Qudha'
C Al-Faqih al-Jalil
D Al-Muqaddimah

17 Globalisasi ilmu pengetahuan pada zaman Kerajaan Abbasiyah berkembang dengan pembukaan Kota Sicily kerana ia banyak menyimpan khazanah ilmu pengetahuan terutamanya

A kimia dan fizik
B astronomi dan perubatan
C matematik dan geomatri
D biologi dan falsafah

18 Berikut adalah cara amar makruf dan nahi munkar yang dituntut oleh Islam

I Nasihat
II Berhati mulia
III Kebijaksanaan
IV Berhemah tinggi

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

19 Rajah di bawah menunjukkan peringkat-peringkat jihad.



Tanda X merujuk kepada

A Berjihad mencari ilmu
B Berjihad mencari harta
C Berjihad melawan syaitan
D Berjihad mempertahankan diri

20 Hukum meratap ketika menziarahi jenazah ialah

A sunat
B harus
C makruh
D haram

SULIT

Soalan 21 *hingga* **Soalan 40**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21 _____ ialah melakukan perbuatan yang boleh memisahkan roh daripada jasad sendiri.

- Memungkiri janji
- Bercakap bohong
- Mengkhianati amanah
- Melampaui batas apabila bergaduh

22 Pernyataan di atas adalah ciri-ciri orang _____ .

23 Perang _____ ialah peperangan antara orang Islam dengan orang kafir bagi mempertahankan kesucian agama Islam.

24 X dalam rajah di bawah ialah rukun _____



"Kedatangan kami hendak menyunting bunga di taman encik Ahmad dan isteri"

25 Peminangan di atas menggunakan lafaz _____ .

26 Antara kesan buruk mengamalkan ajaran sesat ialah boleh merosakkan akidah seseorang, mereka wajib _____ .

27 Miqat Makani bagi jemaah haji Malaysia yang menaiki kapal terbang terus ke Jeddah ialah di _____ .

28 Menurut pendapat Ahli Sunnah Wal-Jamaah, pelaku dosa besar tetap dikira sebagai mukmin kerana imannya masih ada tetapi dikira _____ kerana telah melakukan dosa besar.

29 Waktu _____ adalah afdhal dilakukan pada hari ke tujuh kelahiran bayi, tetapi boleh dilakukan sebelum umur baligh.

Soalan 30 *dan* **Soalan 31** *berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.*



32 _____ iaitu kumpulan bijak pandai di dalam membuat keputusan yang dibarisi ahli syura semasa pemerintahan khulafa' ar-Rasyidin.

33 Bagi menjaga kebajikan rakyat, Saidina Umar bin Al-Khatab telah memansukhkan cukai_____ kepada orang tua perempuan berbangsa Yahudi kerana kemiskinannya.

- Pernah dipenjara dan disebat 100 kali
- Dipenjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad
- Meninggal dunia di dalam penjara

34 Pernyataan di atas merujuk kepada Imam _____ .

35 Kedudukan Kota Baghdad yang berada di tengah-tengah laluan para pedagang timur dan barat telah menjadikan Sungai _____ sebagai laluan utama mereka.

- Akhbar Ar-Urwatul Wusqa
- Akhbar At-Tijarah

36 Penulis dalam dua akhbar di atas ialah _____ sebagai usaha menentang penjajah.

37 Manusia dijadikan sebaik-baik kejadian kerana dilengkapi dengan _____ untuk membezakan perkara baik dan buruk.

38 Tanggungjawab seorang Islam ketika menziarahi pesakit ialah _____ supaya pesakit bersabar menghadapi ujian Allah.

39 Mengikut pendapat Ibnu Khaldun seorang pemimpin berperanan untuk _____ dan mentadbir negara dengan agama.

Adab Berniaga
• Tekun • X • Amanah • Kerjasama • menjauhi perkara yang haram • melindungi hak-hak penjual dan pembeli

40 X dalam rajah di atas ialah _____.

Bahagian B

[60 *markah*]

Jawab **tiga** *soalan*: **Soalan 1, Soalan 2** *dan mana-mana* **satu** *soalan berikutnya.*

1 (*a*) Firman Allah S.W.T.

فَلَا تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.

[Surah al-Israk: 23]

Berdasarkan ayat di atas:

(i) Apakah hukum menderhakai ibu bapa? [2 *markah*]
(ii) Jelaskan **dua** tindakan anda sebagai tanda menghormati ibu bapa. [2 *markah*]
(iii) Terangkan **dua** kewajipan anak-anak kepada ibu bapa yang telah meninggal dunia. [4 *markah*]

(b) Allah S.W.T. melarang manusia minum arak dan menagih dadah.

(i) Nyatakan maksud arak. [2 *markah*]
(ii)

Arak dan dadah punca segala maksiat

Jelaskan hujah anda bagi membuktikan pernyataan di atas. [4 *markah*]

(*c*) (i) Nyatakan **dua** ajaran sesat yang menolak jihad. [2 *markah*]
(ii) Jelaskan **dua** kesan mengamalkan ajaran sesat terhadap masyarakat. [4 *markah*]

2 (a) Hutang piutang merupakan salah satu muamalat dalam Islam.

(i) Apakah hukum membayar hutang ? [2 *markah*]
(ii) Nyatakan **dua** kebaikan diharuskan berhutang. [2 *markah*]
(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara hutang dengan riba dari aspek tujuan dan kesan. [4 *markah*]

(*b*) (i) Apakah maksud anak angkat ? [2 *markah*]
(ii) Nyatakan peraturan mengambil anak angkat. [2 *markah*]
(iii) Jelaskan **dua** hikmah dilarang membinkan dan membintikan anak angkat kepada bapa angkat. [4 *markah*]

(*c*) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :

(i) Encik Ahmad melakukan tawaf tanpa berwuduk ketika mengerjakan haji. [2 *markah*]

(ii) Seorang pengantin lelaki tidak menyebut kadar mahar semasa majlis akad nikah [2 *markah*]

3 (a) (i) Namakan **dua** khalifah yang memimpin kerajaan Khulafa' ar-Rasyidin. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** pembaharuan dalam sistem pentadbiran Khulafa' ar-Rasyidin. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' ar-Rasyidin. [4 *markah*]

(*b*) Kesungguhan Imam Malik Rahimahullah mempelajarai ilmu pengetahuan menjadikan beliau seorang yang mempunyai tahap keilmuan yang tinggi

(i) Nyatakan **dua** bidang ilmu yang dikuasai oleh Imam Malik. [2 *markah*]

(ii) Terangkan pengajaran yang boleh anda contohi daripada ketegasan Imam Malik berkaitan dengan keilmuannya. [2 *markah*]

(*c*) Islam menggalakkan umatnya bersedekah.

(i) Nyatakan **dua** adab memberi sedekah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kelebihan memberi sedekah. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara sedekah dan hadiah. [4 *markah*]

4 (*a*) Kerajaan Abbasiyah telah mencapai tahap kegemilangan dalam ketamadunan Islam.

(i) Namakan **dua** daripada khalifah tersebut. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Abbasiah yang boleh dijadikan pengajaran pada masa kini. [4 *markah*]

(*b*) Hamka adalah tokoh ulamak yang telah membawa pembaharuan kepada umat Islam di Nusantara.

(i) Nyatakan **dua** cara beliau mengembangkan dakwah. [2 *markah*]

(ii) Namakan **dua** hasil karya beliau dalam bidang agama. [2 *markah*]

(iii) Terangkan pengajaran yang boleh anda contohi daripada kegiatan dakwah beliau. [2 *markah*]

(*c*) Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan awam untuk keselesaan rakyat.

(i) Nyatakan **dua** kemudahan awam tersebut di tempat anda. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** contoh penyalahgunaan kemudahan awam. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** langkah untuk meningkatkan tanggungjawab menjaga kemudahan awam. [4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT